



SURAT PEMBERITAHUAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN 03/ 2024

BENGKEL DAN PEPERIKSAAN MELAYU ISLAM BERAJA (MIB)
BAGI TAHUN 2024

Dengan hormat sukacita Jabatan Perkhidmatan Awam mempelawa pegawai-pegawai yang layak untuk mengikuti bengkel dan peperiksaan yang tersebut di atas.

Syarat-syarat untuk mengikuti bengkel dan peperiksaan adalah seperti berikut:

1. SYARAT UTAMA

- 1.1 Pegawai-Pegawai di bawah Skim Perkhidmatan Pentadbiran Brunei (B.A.S);
- 1.2 Pegawai-Pegawai di bawah Skim Perkhidmatan Perhubungan Awam yang dipersyaratkan untuk menduduki dan lulus peperiksaan Melayu Islam Beraja (MIB);
- 1.3 Pegawai-pegawai dalam Bahagian II yang mahu mengikuti bengkel dan peperiksaan Melayu Islam Beraja (MIB).

2. SYARAT LAIN

- 2.1 **PEGAWAI YANG MEMOHON** untuk menduduki peperiksaan dimestikan mengikuti bengkel dan seterusnya menduduki peperiksaan;
- 2.2 Pegawai yang pernah menduduki peperiksaan MIB tetapi gagal dikehendaki untuk mengikuti bengkel sebelum menduduki peperiksaan.

Rujukan : JPA/1.6/8/2 Pt.3

Tarikh : 24 Jamadilakhir 1445 16 Januari 2024

Muka surat 1/3

12



3. JADUAL BENGKEL DAN PEPERIKSAAN

BULAN	TARIKH PEPERIKSAAN		TARIKH PERMOHONAN	
	BENGKEL	PEPERIKSAAN	DIBUKA	DITUTUP
Mei	06 – 07 Mei 2024 Isnin - Selasa	11 Mei 2024 Sabtu	16 Mac 2024 Sabtu	06 April 2024 Sabtu
Ogos	26 – 27 Ogos 2024 Isnin - Selasa	31 Ogos 2024 Sabtu	04 Julai 2024 Khamis	25 Julai 2024 Khamis

**** Tarikh-tarikh yang dinyatakan adalah tertakluk kepada sebarang perubahan.**

4. TATACARA MENGHADAPKAN PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan dan pencalonan hendaklah dibuat secara dalam talian (*Online*) menggunakan Sistem Sumber Manusia (SSM) melalui *Department HRD Administrator* di Kementerian/Jabatan masing-masing.
- 4.2 Pencalonan adalah bagi pegawai yang memohon untuk mengikuti bengkel dan menduduki peperiksaan sahaja.
- 4.3 *Department HRD Administrator* di Kementerian/Jabatan masing-masing akan menerima pemberitahuan melalui *front end SSM* mengenai permohonan yang telah dihadapi iaitu sama ada diluluskan atau ditolak. *Department HRD Administrator* seterusnya akan memaklumkan status permohonan tersebut kepada pemohon di Kementerian/Jabatan masing-masing.

5. HAL – HAL LAIN

- 5.1 Pemohon hendaklah memaklumkan Jabatan Perkhidmatan Awam melalui surat atau e-mel tunjuk sebab jika tidak dapat hadir untuk menduduki peperiksaan:
 - 5.1.1 Sekurang-kurangnya satu (1) minggu sebelum tarikh peperiksaan dijalankan bagi ketidakhadiran yang disebabkan oleh perkara-perkara yang diketahui awal dan tidak dapat dielakkan;

Rujukan : JPA/1.6/8/2 Pt.3

Tarikh : 24 Jamadilakhir 1445 02 Januari 2024

Muka surat 2/3

N



5.1.2 Tidak lewat dari satu (1) minggu selepas tarikh peperiksaan bagi ketidakhadiran yang disebabkan oleh perkara-perkara di luar jangkaan.

5.2 Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengambil tindakan yang bersesuaian terhadap pemohon yang TIDAK HADIR / MENARIK DIRI dari menduduki peperiksaan tanpa makluman dan sebarang alasan yang munasabah. Tindakan ini termasuklah menangguhkan pendaftaran semula peperiksaan yang akan datang.

6. KETERANGAN LANJUT

Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung terus di talian atau e-mel berikut:

Telefon : 2382469 sambungan 410

E-mel : exam.hrsu@psd.gov.bn

Sekian kaola/saya sampaikan untuk makluman bersama.

والله ولي التوفيق

*'Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara'
"Menyatukan Hati, Memenuhi Impian, Mencapai Wawasan 2035"*


[DR. NORFARIZAL BIN OTHMAN]
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Rujukan : JPA/1.6/8/2 Pt.3

Tarikh : 24 Jamadilakhir 1445 08 Januari 2024

Muka surat 3/3